

2021, 2022 tahun istimewa pelabur

Kementerian
perinci tawaran
insentif tambahan
jadikan Malaysia
lokasi pilihan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Muar: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tahun ini dan 2022 adalah tahun istimewa bagi pelabur dengan tawaran insentif tambahan lebih menarik yang akan dipincikan oleh Kementerian Kewangan bagi menjadikan Malaysia lokasi pilihan pelabur asing.

Menyifatkan Malaysia tidak jauh ketinggalan dan masih menjadi antara destinasi pelaburan utama, Perdana Menteri menegaskan, negara bukan sahaja mahukan pelabur asing, tetapi juga pelabur domestik untuk sama-sama mengambil bahagian.

"Saya juga putuskan supaya tahun ini dan tahun depan sebagai tahun istimewa untuk kita tawarkan insentif tambahan khusus bagi menarik pelabur ke negara ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Zon Ekonomi Khas Pagoh Fasa 1 di Galeri Jualan Sime Darby Property Berhad, di sini semalam.

Sime Darby Property akan membangunkan fasa pertama Zon Ekonomi Khas Pagoh di kawasan seluas 343.9 hektar untuk menempatkan Taman Perindustrian dan Taman Keusahawanan dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM1.1 bilion.

Pembangunan sepenuhnya kedua-dua komponen itu akan mengambil masa antara lima hingga tujuh tahun.

Mengulas usaha kerajaan menarik pelaburan langsung asing (FDI) pasca COVID-19, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh, berkata Malaysia terus menjadi



Muhyiddin merasmikan Zon Ekonomi Khas Pagoh Fasa 1 di Muar, semalam. Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property Berhad, Datuk Azmir Merican (kiri) dan Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Pengangkutan dan Infrastruktur Johor, Mohd Solihan Badri. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

destinasi pelaburan pilihan utama pelabur asing walaupun dalam penularan COVID-19 yang menyebabkan modal global semakin menguncup.

"Selain itu, persaingan negara lain yang berusaha keras menarik pelabur. Pelabur kini akan memilih negara atau wilayah yang menawarkan insentif paling menarik dan terbaik sebelum membuat pelaburan," katanya.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, *BERNAMA* melaporkan, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gambir, berkata kerajaan berjaya menarik lebih RM200 juta dalam bentuk komitmen pelaburan bagi fasa pertama pembangunan zon ekonomi khas itu setakat ini.

Beliau berkata, pembangunan fasa pertama zon berkenaan akan mengambil tempoh lima hingga tujuh tahun, selain menempatkan kawasan perindustrian seluas 172 hektar dan pusat keusahawanan seluas 168 hektar dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM1.1 bilion.

Katanya, kerajaan sedar FDI

dan pelaburan langsung domestik (DDI) memainkan peranan amat penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi di Pagoh dan bagi menarik lebih banyak pelaburan sedemikian, kerajaan komited menyediakan suasana kondusif melalui beberapa insentif fiskal dan bukan fiskal.

"Ia bagi menarik minat pelabur asing dan tempatan berkecukupan untuk merangsang pertumbuhan pesat di Zon Ekonomi Khas Pagoh Fasa 1," katanya menambah, kerajaan meluluskan permohonan di bawah pakej galakan istimewa bagi zon ekonomi itu yang menawarkan pengecualian cukai pendapatan, duti setem dan cukai jualan selama lima tahun kepada syarikat menjalankan aktiviti utama disasarkan.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan juga memperluaskan insentif berkaitan kepada syarikat yang diiktiraf sebagai *first mover company* yang mampu membawa aktiviti bernilai tinggi kepada zon ekonomi terbabit.

"Zon ini juga bakal memberikan keutamaan kepada industri sasaran yang telah dikenal pasti.

"Ini termasuk industri berasaskan kayu dan perabot, tekstil, penghasilan makanan dan minuman, produk automotif kejuruteraan, elektrik dan elektronik, pembuatan berasaskan teknologi hijau serta produk berasaskan pertanian," katanya.

Muhyiddin berkata, zon ekonomi khas itu juga antara pelaksanaan janji kerajaan Perikatan Nasional (PN) untuk bukan sahaja memastikan kebajikan rakyat di Parlimen Pagoh terpelihara, malah meningkatkan peluang pendapatan rakyat Malaysia secara umumnya agar kemakmuran negara dapat dikongsi dan diagihkan secara adil dan saksama bagi seluruh lapisan masyarakat.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, DRB-HICOM Bhd dan Malakoff Corporation Bhd (Malakoff), dua anak syarikat milik ahli perniagaan terkenal, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary menyatakan minat membuat pelaburan di Zon Ekonomi Khas Pagoh.

"Syed Mokhtar mengesahkan untuk memindahkan sebahagian

daripada kilang komponen memproses pengeluaran produk automatif Proton di Tanjung Malim, Perak ke Pagoh.

"Malakoff turut berminat membangunkan kilang mengeluarkan panel solar untuk jana kuasa solar di Pagoh. Saya alu-alukan dan berharap kedua-dua pembangunan ini dilaksanakan pada fasa 1 projek Zon Ekonomi Khas Pagoh," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman mengunjungi pesara polis, A Hamid Yakim, 88, yang juga sahabat lamanya ketika mula menceburi pplitik dan aktif bersama-sama dalam Pemuda UMNO, kira-kira 40 tahun lalu.

A Hamid pernah bertugas di Balai Polis Bukit Kepong ketika peristiwa berdarah mengorbankan 25 nyawa, iaitu 19 anggota polis dan ahli keluarga mereka pada 23 Februari 1950.

Beliau bernasib baik kerana pulang ke rumah di Kampung Liang Batu ketika komunis melancarkan serangan ke atas balai polis berkenaan.

Muhyiddin turut menyerahkan sumbangan kerusi roda serta kit makanan kepada isteri A Hamid, Fatimah Abdullah, 83.

Perdana Menteri kemudian menziarahi seorang lagi warga emas, Fatimah Abd Majid, 78, yang terlantar tiga tahun lalu akibat serangan angin ahmar dan menimbang pembinaan rumah baharu di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin kepada warga emas itu.

Perdana Menteri juga merasmikan premis dan trak makanan Fani Soy, milik perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang mengeluarkan produk berasaskan kacang soya di FELCRA Bukit Kepong di Labis.

Ketibaan beliau bersama isteri di premis FN Maju Enterprise pada kira-kira jam 9 pagi disambut pemilik syarikat, Noraini Ismail dan suami, Mohd Fazri Mohd Saimi.